

Komuniti Terpinggir Pulau-pulau Mersing

Nor Jana Saim, Mohd Samsudin & Mohd Nasir Selamat

Pusat Pengajian Psikologi & Pembangunan Manusia
Pusat Pengajian Politik, Sejarah dan Strategik
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor

Pulau Sibü

Hasil dari pemerhatian yang telah dijalankan di Pulau Sibü dianggarkan terdapat sekitar 50 orang penduduk. Sebahagian besar penduduk adalah di kalangan keluarga muda yang memiliki anak seramai 1 hingga 4 orang. Menurut penduduk, umur penduduk Pulau Sibü yang paling tua adalah sekitar 70 tahun.

Kebanyakan penduduk bekerja sebagai nelayan dan kakitangan di resort-resort berhampiran. Walau bagaimanapun, setelah Akta Taman-taman Laut diwartakan, kebanyakan penduduk bekerja di resort dengan pendapatan RM500 sebulan. Menurut penduduk yang ditemu bual terdapat kesukaran bagi penduduk yang bekerja di resort pada setiap hujung tahun. Ini adalah kerana di antara bulan November hingga bulan Mac, resort-resort akan ditutup disebabkan perubahan angin monsun. Oleh itu, dalam waktu tersebut penduduk akan kehilangan sumber pendapatan. Selain itu penduduk yang bekerja di resort juga tidak memiliki tabungan KWSP ataupun SOCSO. Punca pendapatan sampingan seperti kerja lebih masa juga terhad atau tiada.

Bagi perkhidmatan pendidikan pula terdapat sebuah sekolah rendah disediakan dengan 7 orang guru dan 36 orang pelajar secara keseluruhannya. Kelas-kelas tambahan seperti kelas malam diadakan atas inisiatif guru yang mengajar. Kebimbangan yang disuarakan oleh penduduk adalah disebabkan ketiadaan pusat bimbingan kanak-kanak (TADIKa) di Pulau Sibü. Selain itu juga, dimaklumkan bahawa guru-guru sering memberikan perhatian kepada pelajar Darjah 4 hingga Darjah 6. Sewajarnya perhatian berterusan haruslah diberikan kepada semua pelajar bermula dari Darjah 1 hingga Darjah 6. Ini bagi memastikan pelajar dapat meningkatkan keupayaan sendiri dari peringkat awal pembelajaran.

Dari aspek perkhidmatan penjagaan kesihatan, Pulau Sibü memiliki sebuah klinik desa dengan seorang kakitangan yang bertugas. Selain itu bagi kemudahan penduduk, sebuah Balai Polis telah dibina dengan 3 orang anggota polis dari Balai Polis Mersing yang bertugas pada satu-satu masa secara bergilir.

Pulau Tinggi

Kedudukan kampung-kampung di Pulau Tinggi boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian Pusat Komuniti Pulau Tinggi iaitu Kampung Tanjung Balang. Manakala sebahagian lagi ialah kampung-kampung yang berhampiran dengan Kampung Pasir Panjang.

Dianggarkan pada masa sekarang terdapat sekurang-kurangnya 15 buah rumah Kampung Pasir Panjang dan kurang dari 7 buah rumah di Kampung Tanjung Balang, Pulau Tinggi. Terdapat lebih 20 perpindahan penduduk sebelum ini yang menyebabkan terdapat beberapa buah kampung berhampiran Kampung Pasir Panjang telah dibiarkan kosong. Kampung-kampung tersebut ialah, Kampung Teluk Siam, Kampung Sebirah Besar, Kampung Sebirah Kecil dan Kampung Teluk Tigi.

Atas nama keprihatinan, pihak kerajaan telah menyediakan perkhidmatan seperti berikut:

- Perkhidmatan kesihatan – Klinik Kesihatan
- Perkhidmatan pendidikan – Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau Tinggi
- Kerohanian – Masjid Jamek Tanjung Balang
- Urusan harian – penghantaran bil-bil elektrik dan urusan surat-menyurat
- Kemudahan internet – disediakan di Klinik Kesihatan
- Pusat Penerangan

Kesemua kemudahan-kemudahan perkhidmatan ini terletak di Kampung Tanjung Balang, Pulau Tinggi. Jarak antara Kampung Pasir Panjang dan Kampung Tanjung Balang hanya sekitar 500 meter, walau bagaimanapun kedua kampung ini telah dipisahkan oleh hutan paya bakau. Ini menyebabkan kesukaran bagi penduduk Kampung Pasir Panjang kerana mereka terpaksa menggunakan laluan air selama lebih kurang 15 minit untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

Bagi penduduk Kampung Pasir Panjang, sebelum ini terdapat Resort Nadia's Inn dan chalet yang dimiliki oleh Johor Cooperation yang menyumbang kepada pendapatan sebahagian besar penduduk. Pendapatan penduduk pada ketika itu boleh mencecah sehingga dari RM40 – RM1000 sehari. Walaupun resort-resort ini kebiasaannya tidak beroperasi pada setiap bulan November hingga bulan Februari disebabkan keadaan laut yang bergelora dan tidak selamat untuk dilalui tetapi resort-resort ini masih memberikan 50% dari pendapatan bulanan pekerja. Penutupan kedua-dua resort ini semenjak 2 tahun yang lalu menyebabkan penduduk bergantung sepenuhnya kepada hasil-hasil laut sahaja. Justeru itu penduduk tidak mempunyai pilihan lain selain dari memperolehi pendapatan daripada hasil-hasil laut (yang diambil secara sembunyi-sembunyi disebabkan larangan mengikut Akta Taman-taman Laut) dengan pendapatan sekitar RM300 sebulan.

Selain itu terdapat juga penduduk kampung yang memperolehi pendapatan hasil dari perniagaan menyediakan perkhidmatan bot untuk memancing. Walau bagaimanapun hanya satu keluarga (di Kampung Pasir Panjang) yang kemampuan mengusahakan perniagaan ini. Ini disebabkan ketiadaan sumber manusia dan sumber kewangan bagi keluarga-keluarga lain yang berminat untuk menjalankan perniagaan yang sama.

Selain dari kemudahan-kemudahan yang dinyatakan, terdapat juga lot-lot kedai, 2 lot di Kampung Pasir Panjang dan 3 lot (1 lot kedai telah dijadikan sebagai kantin sekolah) di Kampung Tanjung Balang. Kos sewaan hanyalah sebanyak RM50 sebulan daripada Majlis Perbandaran Mersing. Dimaklumkan oleh penduduk, pendapatan ketika sektor pelancongan masih beroperasi dianggarkan boleh mencecah sehingga RM200 sebulan. Walau bagaimanapun setelah penutupan kedua-dua buah resort berhampiran menyebabkan pendapatan terjejas teruk sehingga amat sukar sekali untuk mendapatkan walau RM50 sebulan. Walau bagaimanapun, menurut penduduk mereka akan terus berusaha untuk mempertahankan perniagaan walaupun tidak menguntungkan. Selain itu oleh kerana kekurangan pelanggan menyebabkan pengusaha hanya menyediakan barang-barang keperluan harian dengan bilangan yang agak terhad sekali. Selain itu terdapat juga projek penternakan ikan oleh Jabatan Perikanan di Kampung Pasir Panjang, Pulau Tinggi. Walau bagaimanapun projek ini kurang memberikan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada penduduk setempat.

Dari aspek pendidikan, kebanyakan penduduk di Kampung Tanjung Balang mendapat pendidikan awal di sebuah sekolah rendah yang terletak di Kampung Sebirah dengan jarak 2 jam perjalanan jika berjalan kaki. Walau bagaimanapun sekolah ini telah ditutup pada sekitar tahun 1980-an. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pelajaran telah mengambil inisiatif dengan membangunkan Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau Tinggi di Kampung Pasir Panjang. Bagi penduduk Kampung Tanjung Balang, perkhidmatan yang disediakan ini boleh diperolehi dengan menaiki bot dalam masa 15 minit atau RM10-20 jika tidak mempunyai bot sendiri. Keadaan akan bertambah sukar sekiranya air pasang atau ketika angin kuat. Keadaan ini menyebabkan pelajar gagal menghadiri sesi persekolahan sepenuhnya. Bagi mengatasi kesukaran mendapatkan kemudahan ini menyebabkan sebilangan besar penduduk memilih untuk berhijrah sementara ke tanah besar atau terus menetap di tanah besar dan meninggalkan pulau. Bagi meneruskan persekolahan ke sekolah menengah, pelajar-pelajar dari Pulau Tinggi akan bersekolah di Sekolah Menengah Sri Mersing dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mersing di Bandar Mersing.

Menurut penduduk, selain dari perkhidmatan kesihatan yang disediakan di klinik kesihatan di Kampung Tanjung Balang, pemantauan kesihatan juga akan dilakukan pada setiap 3 tahun untuk pemeriksaan kesihatan yang lebih terperinci. Di luar dari tempoh tersebut, penduduk akan mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Hospital Mersing di tanah besar sekiranya keadaan memerlukan.

Kesan Perubahan Faktor Cuaca Terhadap Masyarakat Pulau

Dalam usaha untuk mendapatkan kehidupan yang lebih berkualiti, masyarakat pulau berhadapan dengan keadaan yang lebih mencabar jika dibandingkan dengan masyarakat di tanah besar. Kekangan utama bagi masyarakat pulau ialah faktor cuaca. Masalah dari faktor cuaca ini menyebabkan perubahan angin monsun yang mengakibatkan keadaan laut yang bergelora dan tidak selamat bagi pengguna. Keadaan ini berlaku pada setiap bulan November sehingga Februari atau Mac setiap tahun. Bagi mengatasi masalah ini sebahagian besar penduduk akan menyediakan bekalan makanan dan ubat-ubatan bagi tempoh tersebut. Terdapat juga penduduk yang berpindah menumpang di rumah-rumah

Jadual 1: Perbandingan Kemudahan yang Terdapat di Kampung Tanjung Balang dan Kampung Pasir Panjang, Pulau Tinggi

Perkara	Kg Tanjung Balang	Kg Pasir Panjang
Masjid Jamek	Ada	Tiada
elektrik	Ada	Ada
Sekolah rendah	Ada	Tiada
Pusat Komuniti Bistari	di bawah kelolaan	
Mukim Pulau-pulau	Kementerian Penerangan	Tiada
Perkhidmatan internet	disediakan di klinik	Tiada
Klinik desa	2 jururawat	Tiada
Perkhidmatan pos	Ada	Tiada Surat-surat dan bil-bil bagi penduduk kampung Pasir Panjang dihantar ke Kg Tanjung Balang
Lot Perniagaan	3 lot (1 lot dijadikan kantin sekolah)	2 lot
Projek Terkini	Tiada	Projek Penternakan Penyus

Sumber: Kajian Lapangan November 2008

saudara mara yang terdapat di tanah besar bagi tempoh tersebut terutamanya bagi penduduk yang mempunyai masalah kesihatan atau dijangka akan melahirkan anak pada waktu tersebut.

Cadangan

Bagi menggalakkan pertumbuhan Daerah Mersing dan pulau-pulau di sekitarnya berasaskan kepada kekuatan yang dimilikinya iaitu sektor pelancongan, berikut adalah cadangan-cadangan bagi membantu komuniti terpinggir pulau untuk turut sama menikmati faedahnya.

Peluang-peluang Pekerjaan

i. Insentif pelaburan

Memberikan galakan peluang pelaburan kepada agensi pelancongan sedia ada dan insentif seperti pengurangan cukai contohnya cukai tanah dan cukai perniagaan. Insentif juga disarankan diberi secara lebih luas sekiranya pelabur adalah dari kalangan rakyat tempatan sendiri.

ii. Peratusan kakitangan

Selain itu dalam memastikan masyarakat tempatan memperolehi peluang pekerjaan yang lebih luas, pihak-pihak yang terlibat dalam meluluskan sesuatu syarikat atau projek mestilah memastikan bahawa lebih 40% kakitangan pentadbiran mestilah terdiri dari masyarakat

tempatan dan 50% - 60% bagi kakitangan sokongan terdiri dari warganegara tempatan. Ini bagi membendung pergantungan kepada tenaga kerja luar. Selain itu ia juga bertujuan untuk mengurangi berlakunya depopulasi pulau-pulau di Mersing.

Peluang-peluang Perniagaan

i. Pemberian lesen perniagaan

Dalam menyediakan peluang-peluang perniagaan, fokus utama hendaklah diberikan kepada penduduk setempat. Pemberian lesen perniagaan ini hendaklah tidak hanya tertumpu kepada perniaga-peniaga yang mempunyai tapak perniagaan sahaja. Lesen perniagaan juga disarankan diberikan kepada sejumlah peniaga yang tidak mempunyai premis perniagaan tetapi mempunyai produk. Dengan kerjasama antara pihak pentadbir dan resort-resort yang berhampiran, tapak perniagaan secara bergerak boleh disediakan secara berjadual. Contohnya pada setiap hari Isnin di Resort A, hari Selasa di Resort B dan seterusnya. Sewaan bagi tapak perniagaan bergerak juga haruslah dikawal oleh pihak pengeluar lesen perniagaan dan tidak membebankan peniaga. Sebagai contoh RM50 sebulan sebagai permulaan.

ii. Pembahagian lesen berasaskan produk

Bagi memastikan persaingan yang sihat di antara peniaga, lesen perniagaan hendaklah dihadkan dalam jumlah yang tertentu. Contohnya 20 lesen untuk perniagaan berasaskan makanan, 20 lesen perniagaan berasaskan tekstil dan 20 lesen perniagaan berasaskan kraftangan.

iii. Pinjaman kredit mikro dan khidmat nasihat

Selain itu bagi menggalakkan penglibatan warga tempatan dalam peluang perniagaan ini, kemudahan pinjaman kredit mikro berdasarkan syarat-syarat yang bersesuaian hendaklah diwujudkan. Bagi memastikan perjalanan perniagaan berjalan lancar dan pinjaman-pinjaman kredit mikro dapat dibayar tepat pada masanya, bimbingan perniagaan secara percuma haruslah diwujudkan. Ini bagi memastikan peniaga-peniaga baru ini dapat bersedia dengan segala kemungkinan perniagaan. Kerjasama antara Agensi Kaunseling Pinjaman dan Kredit (AKPK) sewajarnya diadakan.

Pendidikan

i. Bidang-bidang tumpuan

Galakan kepada pelajar-pelajar lepasan sekolah untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang berkaitan dengan pelancongan, perhotelan, *catering*, *culinary* dan *hospitality*. Kerjasama antara Jabatan Pendidikan Daerah Mersing dengan institusi-institusi yang menyediakan program-program pendidikan berkaitan adalah digalakkan. Dengan adanya kerjasama erat ini membolehkan pertumbuhan Daerah Mersing dilakukan secara lebih terancang bagi memastikan sumber manusia yang diperlukan dalam cadangan 3.1 dapat disediakan.

Harus diingatkan peluang pendidikan ini tidak hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar yang cemerlang sahaja. Tumpuan juga mestilah diberikan kepada pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan yang sederhana dan lemah. Sewajarnya pembahagian kepada peluang-peluang melanjutkan pelajaran dibahagikan kepada semua golongan pelajar contohnya pelajar cemerlang digalakkan untuk melanjutkan pelajaran ke bahagian pentadbiran, manakala bagi pelajar yang kurang cemerlang digalakkan untuk mengambil kursus-kursus yang lebih mudah seperti kursus *front desk* (penyambut tetamu).

ii. Khidmat nasihat kepada pelajar

Oleh kerana pelajar-pelajar di pulau-pulau sekitar Mersing lazimnya mendapatkan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Seri Mersing dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mersing, perkhidmatan dan peranan guru kaunseling atau pekerja sosial di sekolah haruslah diperluaskan di kedua-dua sekolah ini. Tujuan perluasan peranan ini diadakan adalah bagi memberikan khidmat nasihat bidang kerjaya yang boleh dipilih oleh pelajar-pelajar sekolah yang berasal dari masyarakat pulau. Dengan adanya khidmat nasihat ini, pelajar-pelajar akan lebih jelas dengan hala tuju dan kelayakan yang diperlukan bagi sesuatu bidang pengajian.

iii. Galakan pendidikan dan insentif kepada golongan lepasan sekolah dan pekerja sedia ada

Bagi memastikan semua golongan masyarakat pulau dapat menikmati peluang-peluang yang disediakan, galakan pendidikan ini juga haruslah diberikan kepada golongan muda yang telah bekerja di resort-resort berhampiran. Peningkatan kemahiran kepada pekerja sedia ada adalah perlu bagi memastikan masyarakat tempatan memiliki peluang pekerjaan berdasarkan piawaian pekerja mahir atau separa mahir.

iv. Perkhidmatan internet yang lebih luas

Oleh kerana keperluan kemasukan yang disarankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi yang mensyaratkan permohonan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mestilah melalui internet sahaja, sewajarnya kemudahan internet di pulau-pulau juga diperhebatkan. Ini bagi memastikan pelajar-pelajar pulau tidak ketinggalan dalam proses permohonan kemasukan ke IPT. Difahamkan buat masa ini perkhidmatan internet hanya disediakan di Klinik Kesihatan Pulau Tinggi. Sewajarnya perkhidmatan ini diperluaskan kepada 2-3 lokasi yang berbeza.

Pemberian Bantuan oleh Agensi-agensi Kerajaan

i. Bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah (JKMD) dan Pusat Zakat

Pemantauan sewajarnya diberikan perhatian yang lebih terperinci dalam memastikan masyarakat pulau secara keseluruhannya dapat menikmati bantuan-bantuan am atau bantuan segera yang disediakan oleh JKMD dan pusat zakat terutamanya ketika angin monsun. Disebabkan oleh keadaan angin monsun yang berbahaya pada setiap tahun menyebabkan masyarakat pulau amat memerlukan bantuan ketika ini. Selain dari memastikan masyarakat pulau mendapat manfaat yang sama seperti penduduk di tanah

Mersing, berkemungkinan bantuan yang diberikan gagal mencapai golongan sasaran sekiranya pemantauan tidak dilakukan.

ii. Kerjasama komprehensif antara agensi-agensi pemberi bantuan

Kerjasama antara agensi yang memberikan bantuan juga perlu dilakukan bagi memastikan tidak berlaku pengulangan memberi bantuan kepada individu yang sama. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, disarankan agensi-agensi yang memberikan bantuan ini menjalankan program lawatan ke rumah secara bersama. Ini bagi memastikan kes-kes yang tidak boleh ditangani oleh pusat zakat, dapat ditangani oleh pihak JKMD atau agensi-agensi yang berkaitan.

Mengurangkan Kesan Faktor Cuaca Terhadap Kehidupan

Bagi meminimalkan pergantungan penduduk pulau terhadap laut pihak yang berkaitan dicadangkan untuk menghubungkan jalan darat bagi kampung-kampung yang berhampiran. Contohnya bagi Kampung Pasir Panjang dan Kampung Tanjung Balang yang dipisahkan oleh paya bakau. Dengan adanya jalan darat yang lebih efektif ia akan dapat membantu meminimalkan kesan faktor cuaca tersebut dan masyarakat pulau lebih mobilisasi dalam persekitaran pulau itu walaupun wujudnya kekangan angin monsun.

Penyediaan Pengangkutan Berjadual

Bagi membantu masyarakat pulau yang kurang berkemampuan dan tidak memiliki bot persendirian, penyediaan sistem pengangkutan secara berjadual wajar disediakan. Dimaklumkan oleh penduduk, kos pengangkutan dari Pulau Sibu ke Mersing memerlukan kos sebanyak RM200 bagi perjalanan dua hala (pergi dan balik). Kos ini amat membebankan penduduk yang tidak berkemampuan ditambah lagi dengan kurangnya punca-punca pendapatan di pulau. Oleh kerana tidak mampu untuk menampung kos ini, menyebabkan terdapat penduduk yang terpaksa membiarkan penyakitnya berlanjutan dengan tidak mendapatkan rawatan sewajarnya. Sebagai permulaan, penyediaan sistem pengangkutan ini disarankan dilakukan dua kali seminggu tetapi dilakukan secara tetap. Contohnya penyediaan bot disediakan pada setiap hari Isnin jam 10 – 11 pagi dari Pulau Sibu ke Mersing dan setiap hari Jumaat jam 4-5 petang dari Mersing ke Pulau Sibu (masa dan hari berdasarkan kepada kesesuaian aras air laut).

Kesimpulan

Diharapkan dengan adanya perbincangan situasi di Pulau Sibu dan Pulau Tinggi seperti yang dinyatakan di peringkat awal kertas ini serta cadangan-cadangan yang diberikan dapat memberikan sedikit cetusan idea kepada pihak-pihak yang berkewajipan bagi membantu masyarakat Pulau untuk terus mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Inisiatif pihak Pejabat Daerah Mersing mencari penyelesaian terbaik dalam menangani masalah-masalah masyarakat pulau-pulau di Mersing ini haruslah diberikan pujian dan perlulah diperhebatkan pada masa-masa akan datang bersesuaian dengan keperluan peredaran zaman.